

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2021(SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan dan senaraikan aset-aset ketenteraan, yang nilainya melebihi RM1 juta seunit yang telah ditempah, dibayar sepenuhnya oleh Kerajaan tetapi belum diterima semuanya oleh Kerajaan, dalam tempoh tahun 2010 hingga 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada sebarang aset ketenteraan yang melebihi nilai RM1 juta seunit yang telah ditempah dan dibayar sepenuhnya tetapi belum diterima oleh Kerajaan dalam tempoh tahun 2010 sehingga 2020. Pembayaran penuh hanya akan dibuat apabila semua aset telah diterima dan melalui proses *Final Acceptance Test* di peringkat perkhidmatan.

Terima kasih.